

19/05/2003

## Definisi jelas parti politik

KUALA LUMPUR: Kabinet akan disaran supaya memberi definisi yang lebih jelas mengenai parti politik sebelum Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuat keputusan membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) bertanding dalam pilihan raya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata definisi mengenai parti politik dalam Akta Pertubuhan 1966 tidak lengkap dan perlu dibetulkan dari sudut undang-undang sebelum satu keputusan muktamad dibuat.

"Jika tidak, lebih 800 NGO di negara ini mungkin mahu bertanding, sedangkan mereka bukan parti politik. Ini kerana kita harus mempunyai peraturan jelas bagi membuktikan sesuatu NGO itu adalah badan yang terbabit dalam politik," katanya semalam.

"NGO adalah badan yang menjalankan khidmat untuk pendidikan, alam sekitar dan tidak berjuang untuk politik. Pendaftar Pertubuhan tidak boleh mendaftar sesuatu badan yang tidak berpolitik.

"Justeru, kita kena beri definisi yang jelas dan memperakui NGO itu adalah parti politik," katanya.

Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata NGO yang didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan boleh bertanding pilihan raya dengan syarat mereka berdaftar dengan SPR.

Menjelaskan lebih lanjut mengenai isu berkenaan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata NGO hanya boleh bertanding dalam pilihan raya jika mereka meminda perlembagaan dan mendapat kelulusan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Sementara itu, Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye, membantah tindakan membenarkan NGO bertanding dalam pilihan raya tanpa mengubah identiti pertubuhan itu kerana ia mungkin mengelirukan pengundi.

"Parti politik perlu menangani banyak isu, termasuk ekonomi serta pembangunan sosial selain memenuhi pelbagai aspirasi masyarakat manakala NGO hanya memberi tumpuan kepada isu tertentu dan tidak mungkin memenuhi skop yang lebih luas.

"Jika ahli NGO mahu bertanding dalam pilihan raya, adalah lebih wajar bagi mereka menyertai parti politik atau bertanding sebagai calon bebas," katanya.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Datuk N Siva Subramaniam, sependapat dengan Abdullah bahawa pemimpin NGO tidak wajar terbabit dalam politik kerana mandat mereka hanya untuk berkhidmat kepada pertubuhan masing-masing.

Katanya, ada pemimpin NGO menganggap populariti serta khidmat mereka dalam pertubuhan sudah cukup bagi mencuba nasib di arena politik.

"Politik dan khidmat NGO adalah dua bidang yang amat berbeza. NGO tidak ada sebab untuk memasuki politik kerana matlamat mereka hanya terhad

kepada isu tertentu," katanya.

Timbalan Pengerusi (Biro Strategik) Wanita MCA Wilayah Persekutuan,  
Tai

Sim Yew, dalam satu kenyataan semalam, juga berkata NGO tidak wajar terpengaruh dengan politik kerana ia perlu bersikap adil dalam isu membabitkan perjuangan pertubuhannya.